

## PERSONALITI BELIA MALAYSIA MASA KINI

SARIDAN ABU BAKAR

### ABSTRAK

*Domain Personaliti merupakan salah satu daripada empat domain kelestarian belia yang melibatkan semua yang diminati dan seterusnya menjadi pilihan kerjaya belia masa kini. Domain Personaliti pula merupakan himpunan pola emosi, pemikiran dan perlakuan yang unik seseorang individu yang berkait rapat dengan tindak tanduknya. Domain Personaliti mengandungi lima (5) dimensi iaitu; Patriotism, Religiositi, Kejujuran, Ketegasan dan Kebebasan. Kajian kuantitatif secara rentasan masa ini melibat belia berumur 15 hingga 30 tahun di seluruh Malaysia. Seramai 6,454 responden telah terlibat sebagai responden kajian ini yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang. Dapatan kajian menunjukkan belia masa kini mempunyai personaliti yang tinggi daripada aspek Kejujuran dan Ketegasan. Dimensi Patriotism dan Religiositi pula didapati pada yang Sederhana, manakala dimensi Kebebasan pula berada pada Rendah.*

**Kata Kunci:** Personaliti, Belia, Patriotism, Kejujuran, Ketegasan, Kebebasan

### ABSTRACT

*The sustainability of present youths is developed within four main domains, namely Inclination, Personality, Competence and Expectation. This cross-sectional quantitative study involves youths aged 15 to 30 years old throughout Malaysia. Altogether, 6,454 respondents from various backgrounds have been involved as study respondents. The study findings showed that present youths have a high inclination towards Enterprising and Political Dimensions; high in the aspect of networking for the Competency Domain; and they have high Expectation on their Marketability, Opportunity for Furthering their Education and Financial Stability.*

**Keywords:** Personality, Youth, Patriotism, Honesty, Firmness, Freedom

### PENGENALAN

Kemajuan dan kelestarian masa hadapan amat bergantung kepada kualiti generasi belia pada hari ini. Menyentuh daripada aspek kemajuan dan kelestarian masa hadapan ekonomi, politik dan sosial pula, golongan belia juga yang akan menjadi pemangkinnya. Di Malaysia, belia adalah populasi terbesar negara yang akan mewarisi pucuk pimpinan negara pada masa akan datang. Golongan belia ini juga berperanan sebagai penyumbang kepada pembangunan negara melalui pengisian tenaga kerja dan juga bertindak sebagai tulang belakang sesebuah negara yang sedang membangun. Belia juga sering kali dikaitkan dengan kekuatan fizikal, ketajaman dan kesungguhan untuk mencuba sesuatu bidang yang mereka minati.

Justeru, perubahan zaman pada masa kini turut membawa perubahan terhadap kecenderungan dan minat generasi belia terhadap sesuatu bidang. Generasi belia Malaysia sekarang merupakan Generasi Y yang selalu dikaitkan dengan kreativiti, inovatif dan dinamik. Persepsi mereka terhadap sesuatu perkara banyak dipengaruhi oleh gaya hidup semasa yang global disebabkan oleh kemudahan untuk mencapai segala bentuk maklumat yang sangat luas dan mudah diperolehi.

Kehadiran ini jugalah yang menyebabkan kebanyakan belia pada masa kini lebih gemar bergiat di dalam bidang yang memenuhi kecenderungan, minat serta hobi mereka tanpa terikat dengan sebarang formaliti atau protokol. Dalam perkara ini, terdapat juga faktor-faktor kognitif, motivasi dan aktiviti promosi yang turut menyumbang kepada kecenderungan seseorang belia untuk membuat pilihan.

Personaliti seseorang individu tersebut akan mendorong individu tersebut untuk memperoleh pengetahuan atau kemahiran yang sesuai bagi membangun serta mengasah kompetensi beliau. Oleh yang demikian, bagi merealisasikan cita-cita mereka, belia masa kini mempunyai ekspektasi yang tinggi terhadap persekitaran mereka. Ekspektasi persekitaran perlulah seiringan dengan personaliti serta kompetensi belia berkenaan.

Kajian yang pernah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) pada tahun 2011 mendapat terdapat beberapa perkara utama yang diperlukan oleh belia masa kini iaitu pekerjaan, rumah, kewangan, pendidikan dan pengangkutan. Rumusan kajian tersebut menunjukkan kecenderungan belia lebih kepada aspek ekonomi

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat dua (2) objektif utama kajian iaitu:

1. Untuk mengukur tahap personaliti belia masa kini.
2. Mengenal pasti ketepatan atau seiring dengan Dasar Belia Malaysia.

Dapatkan kajian ini juga dijangka akan dapat membantu pihak-pihak berkepentingan menghasilkan pelan strategik dan tindakan di dalam merangka program pembangunan belia Malaysia di masa akan datang.

### **SOROTAN LITERATUR**

Personaliti atau keperibadian merupakan himpunan pola emosi, pemikiran dan perlakuan yang unik. Personaliti seseorang individu berkait rapat dengan tindak tanduk seseorang dan dizahirkan melalui ciri-ciri kawalan emosi dan pemikiran seseorang. Dapatkan ini menunjukkan personaliti golongan belia masa kini. Kajian ini menyenaraikan lima (5) dimensi utama Domain Personaliti iaitu Patriotisme, Religiositi, Kejujuran, Ketegasan dan Kebebasan.

Patriotisme adalah perasaan cinta yang kuat kepada tanah air. Semangat jati diri ini juga dikaitkan dengan semangat kenegaraan atau kebangsaan yang kuat yang boleh dilihat daripada beberapa sudut lain yang berkaitan dengan perkauman, kebudayaan, politik dan sejarah. Religiositi secara umumnya merujuk kepada pelbagai aspek keagamaan yang menyentuh kepada aspek perlakuan atau aktiviti, dedikasi dan kepercayaan. Religiositi juga menekankan kepada amalan-amalan yang tertentu, penggunaan simbol-simbol yang khusus dan juga kepercayaan kepada kehidupan di akhirat, iaitu sesudah mati.

Kejujuran pula merujuk kepada akhlak mulia yang mempunyai ciri-ciri positif dan bernilai murni seperti berintegriti, benar, lurus dan terhindar daripada perlakuan negatif seperti curang, berbohong dan menipu. Individu yang jujur merupakan individu yang boleh dipercayai, amanah, setia, adil dan ikhlas. Kejujuran juga selalu dikaitkan dengan budaya atau pegangan agama seseorang. Berikutnya, ketegasan ditakrifkan sebagai kualiti diri yang yakin atau terjamin tanpa agresif. Seseorang individu yang memiliki sikap tegas kebiasaanya amat yakin dengan tingkah laku dan perkataannya dan tidak perlu menggunakan sebarang kekerasan atau paksaan terhadap pihak lain untuk menerima perkataan atau perbuatannya. Beliau juga tidak mudah terpengaruh dengan pujanan atau paksaan orang lain. Kebebasan adalah personaliti seseorang individu yang bebas secara mutlak daripada apa juar kuasa di persekitarannya. Individu yang mempunyai personaliti bebas mendapati semua tindakan mereka adalah tidak terbatas selagi tidak menyalahi undang-undang atau hukum agama yang dianuti mereka. Bagi individu yang tidak beragama pula, kebebasan bagi mereka meliputi semua aspek perlakuan serta tindak tanduk yang tiada batasannya yang cuma terhad kepada keupayaan dan kebolehan individu itu sendiri ataupun hukum alam.

## METODOLOGI

### ***Reka Bentuk Kajian***

Kajian ini menggunakan pendekatan secara kuantitatif iaitu melalui survei terhadap 6,454 responden belia dengan menggunakan borang soal selidik. Keseluruhannya, kajian dilaksanakan secara rentasan masa bermula pada bulan September hingga Disember 2015.

### ***Populasi Kajian***

Kajian melibatkan golongan belia warganegara Malaysia yang berumur di antara 15 hingga 30 tahun pada tahun 2015. Jumlah belia di Malaysia adalah seramah 13.88 juta yang mewakili 45.8 peratus daripada 30.26 juta penduduk Malaysia (Jabatan Statistik, Malaysia 2014).

### ***Persampelan***

Kaedah persampelan berstrata mengikut negeri dipilih bagi memastikan populasi sasaran mendapat peluang yang sama untuk dipilih. Berdasarkan kepada saranan Krejcie dan Morgan (1970), seramai 4,800 responden telah disasarkan bagi kajian

ini. Seterusnya, untuk memastikan semua keturunan terlibat sebagai responden, nisbah 5:3:2:1 telah ditetapkan mengikut keturunan Bumiputera, Cina, India dan lain-lain di Malaysia.

Oleh yang demikian, bilangan responden mengikut kaum bagi kajian ini disasarkan seperti berikut:

- i. Bumiputera: 2,200 responden
- ii. Cina: 1,300 responden
- iii. India: 900 responden
- iv. Lain-lain: 450 responden

Semua sekali kajian ini mensasarkan bilangan responden sebanyak 4,800. Ringkasan kaedah persampelan kajian ini ditunjukkan di dalam Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Kaedah Pensampelan Kajian**

Keturunan	Nisbah	Peratus Diperlukan	Bilangan Diperlukan	Sasaran	Sebenar	Peratus Sebenar
Bumiputera	5	45.45%	2,181.82	2,200	3,477	53.87%
China	3	27.27%	1,309.09	1,300	1,567	24.28%
India	2	18.18%	872.73	900	895	13.87%
Lain-lain	1	9.09%	436.36	450	515	7.98%
<b>Jumlah</b>	<b>11</b>	<b>100.00%</b>	<b>4,800.00</b>	<b>4,850</b>	<b>6,454</b>	<b>100.00%</b>

Responden juga disasarkan bagi setiap negeri di Malaysia mengikut strata seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 2 berikut:

**Jadual 2: Pensampelan Kajian Mengikut Negeri**

Negeri	Sampel
Perlis	150
Kedah	350
Pulau Pinang	300
Negeri Sembilan	250
Melaka	300
Johor	450
Selangor	550
Kuala Lumpur & Putrajaya	550
Perak	350
Kelantan	350
Terengganu	350
Pahang	350

Sabah	250
Sarawak	250
<b>Jumlah</b>	<b>4,800</b>

Keseluruhannya, seramai 6,454 responden telah mengambil bahagian di dalam kajian ini.

### ***Instrumen Kajian***

Borang soal selidik telah dibangunkan berdasarkan tinjauan literatur dan diperkuuhkan dengan perbincangan bersemuka secara berkumpulan berfokus yang melibatkan belia daripada perbagai latar belakang. Seterusnya, kajian rintis secara berinteraktif telah dijalankan untuk memastikan penggunaan perkataan dan pernyataan bagi setiap item jelas maksudnya dan relevan kepada responden. Pembangunan borang soal selidik ini juga turut dibantu oleh IYRES.

Borang soalselidik yang dibangunkan mengandungi dua (2) Bahagian iaitu:

Bahagian A: **Profil Diri**

Bahagian B: **Personaliti**

### ***Pengumpulan Data Kajian***

Pengumpulan data menggunakan enumerator yang dilatih oleh penyelidik dan dibekalkan dengan manual sebagai panduan. Aktiviti ini melibatkan 35 orang enumerator dan 20 orang pegawai penyelaras yang terdiri daripada pensyarah-pensyarah Universiti Teknologi MARA (UiTM) di setiap cawangan di seluruh negara.

## **HASIL DAPATAN KAJIAN**

### ***Profil Responden***

Kajian melibatkan seluruh belia di Malaysia yang berumur 15 hingga 30 tahun. Secara keseluruhannya, responden dari Negeri Johor yang paling ramai iaitu seramai 965 (15%) daripada keseluruhan 6,454 orang responden. Paling sedikit adalah responden dari Wilayah Persekutuan Labuan iaitu 1 responden. Bilangan responden yang dinyatakan di sini adalah berdasarkan kepada belia yang mengambil bahagian dan memenuhi semua maklumat penting di dalam borang soal selidik. Jadual 3 berikut menunjukkan ringkasan responden kajian berdasarkan kepada negeri.

**Jadual 3: Responden Mengikut Negeri**

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Johor	965	15.0
Kedah	895	13.9
Kelantan	159	2.5

Kuala Lumpur	307	4.8
Labuan	1	0.0
Melaka	434	6.7
Negeri Sembilan	511	7.9
Pahang	196	3.0
Perak	776	12.0
Perlis	38	0.6
Pulau Pinang	563	8.7
Putrajaya	9	0.1
Sabah	193	3.0
Sarawak	368	5.7
Selangor	874	13.5
Terengganu	165	2.6
<b>Jumlah</b>	<b>6,454</b>	<b>100.0</b>


#### ***Responden Mengikut Jantina***

Lebih daripada separuh responden terdiri daripada golongan wanita. Secara keseluruhannya, 3,919 responden adalah wanita. Bilangan ini mewakili 60.7 peratus daripada keseluruhan responden. Lelaki pula mewakili 39.3 peratus responden iaitu seramai 2,535 responden. Ringkasan bagi responden mengikut jantina ditunjukkan di dalam Jadual 4 berikut:

**Jadual 4: Responden Mengikut Jantina**

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	2,535	39.3
Wanita	3,919	60.7
<b>Jumlah</b>	<b>6,454</b>	<b>100.0</b>

Seterusnya, Rajah 1 berikut menunjukkan bilangan responden kajian mengikut negeri. Secara umumnya, responden wanita juga turut melebihi responden lelaki di setiap negeri di Malaysia.

**Rajah 1: Responden Mengikut Jantina dan Negeri**


#### *Responden Mengikut Keturunan*

Responden Melayu adalah majoriti iaitu sebanyak 3,477 (53.9%) berbanding dengan lain-lain keturunan. Keturunan Cina pula merupakan responden yang kedua ramainya, diikuti oleh responden berketurunan India, Kadazan, Iban dan lain-lain. Jadual 5 menyenaraikan bilangan dan peratus semua keturunan yang menjadi responden kajian.

**Jadual 5: Responden Mengikut Keturunan**

Keturunan	Bilangan	Peratus
Melayu	3,477	53.9
Cina	1,567	24.3
India	895	13.9
Kadazan	119	1.8
Iban	299	4.6
Lain-Lain	97	1.5
<b>Jumlah</b>	<b>6,454</b>	<b>100.0</b>

Seterusnya Jadual 6 pula menunjukkan taburan responden mengikut keturunan dan negeri. Secara umumnya, bilangan responden Melayu, Cina dan India di dapati agak sekata di kebanyakan negeri di semenanjung Malaysia seperti Johor, Kedah, Kelantan dan Perak. Bilangan responden daripada keturunan Kadazan, Iban dan lain-lain jelas lebih ramai di negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

**Jadual 6: Responden Mengikut Keturunan dan Negeri**

	<b>Melayu</b>	<b>Cina</b>	<b>India</b>	<b>Kadazan</b>	<b>Iban</b>	<b>Lain-lain</b>
Johor	656	192	116	-	-	1
Kedah	518	247	121	-	1	8
Kelantan	96	41	22	-	-	-
Kuala Lumpur	182	69	56	-	-	-
Labuan	-	-	-	1	-	-
Melaka	322	60	52	-	-	-
Negeri Sembilan	349	88	74	-	-	-
Pahang	65	72	59	-	-	-
Perak	118	455	203	-	-	-
Perlis	27	6	5	-	-	-
Pulau Pinang	361	134	65	-	1	2
Putrajaya	7	2	-	-	-	-
Sabah	9	14	6	114	14	36
Sarawak	20	21	4	1	279	43
Selangor	637	134	89	3	4	7
Terengganu	110	32	23	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>3,477</b>	<b>1,567</b>	<b>895</b>	<b>119</b>	<b>299</b>	<b>97</b>
<b>Peratus</b>	<b>53.9</b>	<b>24.3</b>	<b>13.9</b>	<b>1.8</b>	<b>4.6</b>	<b>1.5</b>


**Responden Mengikut Lokasi Tempat Tinggal**

Lokasi tempat tinggal merujuk kepada kedudukan tempat tinggal responden sama ada di kawasan bandar atau pun luar bandar. Jadual B-5 dan Graf B-5 menunjukkan lebih daripada separuh responden kajian, iaitu seramai 3,445 atau pun 53.4 peratus berada di lokasi bandar. Sebahagian lagi, iaitu seramai 3,009 responden (46.6%) berada di luar bandar.

**Jadual 7: Responden Mengikut Lokasi Tempat Tinggal**

	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Bandar	3,445	53.4
Luar Bandar	3,009	46.6
<b>Jumlah</b>	<b>6,454</b>	<b>100.0</b>

Sementara itu, Rajah 2 pula menunjukkan taburan responden mengikut lokasi tempat tinggal di setiap negeri.

**Rajah 2: Responden Mengikut Lokasi Tempat Tinggal dan Negeri**


### ***Domain Personaliti Belia Masa Kini***

Personaliti atau keperibadian merupakan himpunan pola emosi, pemikiran dan perlakuan yang unik. Personaliti seseorang individu berkait rapat dengan tindak tanduk seseorang dan dizahirkan melalui ciri-ciri kawalan emosi dan pemikiran seseorang. Dapatan ini menunjukkan personaliti golongan belia masa kini. Lima (5) dimensi utama Domain Personaliti kajian telah dibangunkan iaitu Patriotisme, Religiositi, Kejujuran, Ketegasan dan Kebebasan

Dapatan kajian menunjukkan responden secara keseluruhanya memiliki personaliti Kejujuran dan Ketegasan yang tinggi. Dimensi Patriotism dan Religiositi didapati pada tahap yang Sederhana. Manakala Dimensi Kebebasan pula berada pada Rendah.

Jadual 8 berikut menunjukkan ringkasan dapatan kajian berkaitan dengan Domain Personaliti belia masa kini.

**Jadual 8: Ringkasan Domain Personaliti**

	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>	<b>Skor</b>	<b>Tahap</b>
Patriotisme	2,234	34.6	3	Sederhana
Religiositi	2,441	37.8	3	Sederhana
Kejujuran	2,348	36.4	4	Tinggi
Ketegasan	2,332	36.1	4	Tinggi
Kebebasan	2,029	31.4	2	Rendah

Skor dimensi Kejujuran dan Ketegasan yang ditinggi seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 8 di atas menunjukkan bahawa belia Malaysia masa kini amat menitikberatkan kepada nilai-nilai mulia iaitu Kejujuran dan Ketegasan. Ini merupakan wadah daripada sistem pembelajaran yang ditempuhi mereka memandangkan semua responden pernah mengikuti pelajaran formal sama ada di sekolah atau institusi pengajian tinggi awam mahu pun swasta. Penilaian skor bagi setiap dimensi Personaliti belia ini ditunjukkan di dalam Jadual 9 hingga 13 berikut.

Jadual 9 menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 2,234 (34.6%) yang mencapai tahap Sederhana bagi dimensi Patriotisme. Walau bagaimanapun, 1,940 responden yang lain, iaitu sebanyak 30.1 peratus mencapai tahap yang Tinggi. Paling sedikit, iaitu sebanyak 9.9 peratus responden atau pun seramai 636 menunjukkan tahap yang Sangat Tinggi bagi dimensi Patriotisme.

**Jadual 9: Skor Patriotisme**

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	421	6.5
Rendah	1,223	18.9
Sederhana	2,234	34.6
Tinggi	1,940	30.1
Sangat Tinggi	636	9.9
<b>JUMLAH</b>	<b>6,454</b>	<b>100.0</b>

Keduanya, Jadual 10 berikut menunjukkan majoriti responden, iaitu seramai 2,441 atau pun 37.8 peratus mencapai tahap Sederhana juga bagi dimensi Religiositi. Berikutnya, seramai 2,116 responden (32.8%) lagi menunjukkan tahap yang Rendah. 204 responden yang lain iaitu sebanyak 11.7 peratus lagi mencapai tahap Sangat Tinggi.

**Jadual 10: Skor Religiositi**

	Bilangan	Peratus
Sangat Rendah	674	10.4
Rendah	2,116	32.8
Sederhana	2,441	37.8
Tinggi	1,019	15.8
Sangat Tinggi	204	3.2
<b>JUMLAH</b>	<b>6,454</b>	<b>100.0</b>

Seterusnya, Jadual 11 pula mendapat majoriti responden, iaitu seramai 2,348 atau 36.4 peratus mencapai tahap Tinggi bagi dimensi Kejujuran. 1,777 responden berikutnya, iaitu sebanyak 27.5 peratus lagi menunjukkan tahap yang

Sederhana. Manakala bilangan responden yang menunjukkan tahap Sangat Tinggi bagi dimensi Kejujuran adalah seramai 1,190 (18.4%).

**Jadual 11: Skor Kejujuran**

	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Sangat Rendah	268	4.2
Rendah	871	13.5
Sederhana	1,777	27.5
Tinggi	2,348	36.4
Sangat Tinggi	1,190	18.4
<b>JUMLAH</b>	<b>6,454</b>	<b>100.0</b>

Bagi dimensi Patriotisme pula, kajian mendapati majoriti responden, iaitu seramai 2,332 atau 36.1 peratus berada pada tahap Tinggi. 1,661 responden seterusnya, iaitu sebanyak 25.7 peratus pula melaporkan berada pada tahap Sederhana. Bilangan responden yang menunjukkan tahap Sangat Tinggi bagi dimensi Kejujuran adalah seramai 1,190 iaitu sebanyak 18.4 peratus. Jadual 12 berikut menunjukkan dapatan bagi dimensi Patriotisme.

**Jadual 12: Skor Patriotisme**

	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Sangat Rendah	400	6.2
Rendah	871	13.5
Sederhana	1,661	25.7
Tinggi	2,332	36.1
Sangat Tinggi	1,190	18.4
<b>JUMLAH</b>	<b>6,454</b>	<b>100.0</b>

Akhir sekali, bagi dimensi Kebebasan pula, Jadual 13 di bawah menunjukkan bahawa majoriti responden, iaitu seramai 2,029 ataupun sebanyak 31.4 peratus menunjukkan tahap yang Rendah bagi dimensi Kebebasan. Berikutnya, 1,751 responden yang lain iaitu sebanyak 27.1 peratus yang lain menunjukkan tahap yang Sederhana. Hanya 2 peratus responden, iaitu seramai 129 menunjukkan tahap Sangat Tinggi.

### **Jadual 13: Skor Kebebasan**

	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Sangat Rendah	1,537	23.8
Rendah	2,029	31.4
Sederhana	1,751	27.1
Tinggi	1,008	15.6
Sangat Tinggi	129	2.0
<b>JUMLAH</b>	<b>6,454</b>	<b>100.0</b>

### **KESIMPULAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN**

#### ***Kesimpulan dan Implikasi Kajian***

Domain Personaliti adalah satu daripada empat (4) domain Kelestarian belia masa kini dibangunkan oleh kajian ini. Personaliti merupakan himpunan pola emosi, pemikiran dan perlakuan yang unik seseorang individu yang berkait rapat dengan tindak tanduknya. Domain Personaliti mengandungi lima (5) dimensi iaitu: iaitu; Patriotisme, Religiositi, Kejujuran, Ketegasan dan Kebebasan.

Kajian kuantitatif secara rentasan masa ini melibat belia berumur 15 hingga 30 tahun di seluruh Malaysia. Seramai 6,454 responden telah terlibat sebagai responden kajian ini yang terdiri daripada pelbagai latarbelakang. Dapatan kajian menunjukkan belia masa kini mempunyai personaliti yang tinggi daripada aspek Kejujuran dan Ketegasan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa belia Malaysia kini amat menitikberatkan kepada nilai-nilai mulia iaitu Kejujuran dan Ketegasan. Ini merupakan wadah daripada sistem pembelajaran yang ditempuhi mereka memandangkan semua responden pernah mengikuti pelajaran formal sama ada di sekolah atau institusi pengajian tinggi awam mahu pun swasta.

#### ***Cadangan***

Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, pengkaji mencadangkan beberapa perkara. Belia-belia yang berpotensi perlulah dikenalpasti di peringkat yang paling awal, iaitu di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah; supaya dapat dibentuk menjadi warganegara lebih berkesan mengikut kecenderungan masing-masing. Guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah perlu dibimbing untuk mengenalpasti pelajar-pelajar yang berpotensi dan cemerlang mengikut kecenderungan dan personaliti yang dimiliki. Ibubapa juga perlu diberi pendedahan mengenai kaedah terbaik untuk mengenalpasti dan menggilap bakat yang ada kepada anak-anak mereka yang cemerlang sejak dari sekolah rendah lagi.

Pusat penilaian dan kaunseling pelajar-pelajar berpotensi perlu diwujudkan di setiap negeri untuk mengasah dan membentuk bakat belia di masa hadapan. Penilaian dan pembangunan pelajar-pelajar pintar perlu dilaksanakan secara berkala dan berterusan. Insentif khusus kepada pelajar-pelajar berbakat tinggi ini

perlu diwujudkan supaya potensi yang ada tidak disia-siakan. Contohnya seperti kemudahan dan sokongan kewangan untuk mengasah dan mengembangkan lagi bakat yang mereka miliki. Lebih banyak kajian secara ilmiah perlu dibuat untuk mengenalpasti kecenderungan dan potensi belia di Malaysia.

## RUJUKAN

- Anderson, K. J. (1995). The use of a structured career development group to increase career identity: An exploratory study. *Journal of Career Development*, 21, 279-291.
- Bullock-Yowell, E., Reed, C. A., Mohn, R. S., Galles, J., Peterson, G. W., & Reardon, R. C. (2015). Neuroticism, negative thinking, and coping with respect to career decision state. *The Career Development Quarterly*, 63(4), 333-347.
- Butterworth, J., Hall, A. C., Smith, F. A., Migliore, A., Winsor, J., & Sulewski, J. (2013). *StateData: The national report on employment services and outcomes*. Boston: University of Massachusetts, Boston, Institute for Community Inclusion.
- Carter, E. W., Moss, C. K., Hoffman, A., Chung, Y., & Sisco, L. (2011). Efficacy and social validity of peer support arrangements for adolescents with disabilities. *Exceptional Children*, 78, 107-125.
- Cheng, H., & Furnham, A. (2014). The associations between parental socio-economic conditions, childhood intelligence, adult personality traits, social status and mental well-being. *Social Indicators Research*, 117(2), 653-664.
- Hansen, J. C., & Swanson, J. L. (1983). Stability of interests and the predictive and concurrent validity of the 1981 Strong-Campbell Interest Inventory for college majors. *Journal of Counseling Psychology*, 30, 194-201.
- Daston, M., Riehle, J. E., & Rutkowski, S. (2012). *High school transition that works!: Lessons learned from Project SEARCH*. Baltimore: Paul H. Brookes.
- Gunkel, M., Schlaegel, C., Langella, I.A. and Peluchette, J.V. (2010) , “Personality and career decisiveness: an international empirical comparison of business students’ career planning”, *Personnel Review* , Vol. 39 No. 4, 503 - 524.
- Gugiu, C., Coryn, C. L., & Applegate, B. (2010). Structure and measurement properties of the patient assessment of chronic illness care instrument. *Journal of Evaluation in Clinical Practice*, 16, 509-516.
- Gugiu, P. C., Coryn, C., Clark, R., & Kuehn, A. (2009). Development and evaluation of the short version of the Patient Assessment of Chronic Illness Care instrument. *Chronic Illness*, 5, 268-276.
- Hendrickson, A. E., & White, P. O. (1964). Promax: A quick method for rotation of oblique simple structure. *British Journal of Statistical Psychology*, 17, 65-70.

- Holland, J. L. (1997). *Making vocational choice: A theory of vocational personalities and work environments*. Odessa, FL: Psychological Assessment Resources.
- Helwig, A. A. (1984). A family case study using Holland types. *American Mental Health Counselors Association Journal*, 6, 88-97.
- Holland, J. L. (1963). Exploration of a theory of vocational choice and achievement: II. A four-year prediction study. *Psychological Reports*, 12, 537-594.
- Hsieh, H., & Huang, J. (2014). The effects of socioeconomic status and proactive personality on career decision self-efficacy. *The Career Development Quarterly*, 62(1), 29-43.
- Jawahar, I. M., & Liu, Y. (2016) Proactive personality and citizenship performance: The mediating role of career satisfaction and the moderating role of political skill, *Career Development International*, Vol. 21 Issue: 4, 378-401.
- Kilsby, M. S., & Beyer, S. (2002). Enhancing self-determination in job matching in supported employment for people with learning disabilities: An intervention study. *Journal of Vocational Rehabilitation*, 17, 125-135.
- Kober, R., & Eggleton, I. R. (2005). The effect of different types of employment on quality of life. *Journal of Intellectual Disability Research*, 49, 756-760.
- Kothari, T. P., & Pingle, S. S. (2015). Personality Traits and Teaching Styles of Management Teachers: An Empirical Study. *Journal of Contemporary Management Research*, 9(2), 16-38.
- Morgan, R. L. (2011). Job matching assessing employment characteristics of Vocational Rehabilitation, 34, 25-33. assessment: Inter-rater reliability of an instrument of young adults with intellectual disabilities. *Journal*
- Subich, L. M. (1994). Annual review: Practice and research in career counseling and development-1993. *The Career Development Quarterly*, 43, 114-151.
- Persch, A. C. (2014). *The model of systematic job matching*. Unpublished doctoral dissertation, The Ohio State University, Columbus.
- Ridhi, A. & Santosh, R., (2015). The joint effects of personality and supervisory career mentoring in predicting occupational commitment”, *Career Development International*, Vol. 20 Issue: 1, pp.63-80, doi: 10.1108/CDI-12-2014-0156
- Rodrick, D. (2011). *The Globalization Paradox: Democracy and the Future of the World Economy*, Cambridge University Press, New York.
- Swenson, A. (2000). The new art of hiring smart: Matching the right person to the right job.
- Thomas W.H. & Daniel C. F., (2009). Personality, social relationship, and vocational indecision among college students: The mediating effects of identity construction, *Career Development International*, Vol. 14 Issue: 4, 309-332.

- Wareham, J., & Sonne, T. (2008). Harnessing the power of autism spectrum disorder. *Innovations*, 3, 11-27.
- Wehman, P. (2013). *Life beyond the classroom: Transition strategies for young people with disabilities*. Baltimore: Paul H. Brookes.
- Wehman, P. H., Schall, C. M., McDonough, J., Kregel, J., Brooke, V., Molinelli, A., & Thiss, W. (2014). Competitive employment for youth with autism spectrum disorders: Early results from a randomized clinical trial. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 44, 487-500.
- Wehman, P., Schall, C., McDonough, J., Molinelli, A., Riehle, E., Ham, W., & Thiss, W. R. (2013). Project SEARCH for youth with autism spectrum disorders: Increasing competitive employment on transition from high school. *Journal of Positive Behavior Interventions*, 15, 144-155.
- Woods, S. A., Patterson, F. C., Wille, B., & Koczwarra, A. (2016). Personality and occupational specialty. *Career Development International*, 21(3), 262-278.
- Xiu, L., Kang, G., & Roline, A. C. (2015). Who negotiates a higher starting salary? *Nankai Business Review International*, 6(3), 240-255.

***Profil Penulis:***

***Saridan Abu Bakar, Ph.D***

*Arshad Ayub Graduate Business School (AAGBS)  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
[saridan@salam.uitm.edu.my](mailto:saridan@salam.uitm.edu.my)*